

AJARAN-AJARAN KRISTUS

Ajaran-ajaran Yesus Kristus di dalam Alkitab telah lama menjadi punca ilham untuk manusia. Terdapat ajaran-ajaran tambahan daripada Juruselamat di dalam sebuah kitab sampingan—Kitab Mormon: Satu Lagi Kesaksian Tentang Yesus Kristus. Ia membawa ketenteraman dan kebahagiaan dengan menyediakan tujuan yang berilham dalam hidup anda.

Untuk mendapatkan naskhah percuma Kitab Mormon: Satu Lagi Kesaksian Tentang Yesus Kristus, sila layari laman Web di bawah atau tujukan permintaan kepada:

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

www.mormon.org

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

KESAKSIAN NABI JOSEPH SMITH

Gereja Yesus Kristus
Orang Suci Zaman Akhir



Joseph Smith: Nabi Tuhan

Apabila Joseph Smith berumur 14 tahun, dia ingin mengetahui gereja mana yang patut dianggotainya, oleh itu, dia bertanya kepada Tuhan di dalam doa ikhlas. Sebagai balasan kepada doa ini, Tuhan Bapa dan Putera-Nya Yesus Kristus, telah memperlihatkan diri Mereka kepadanya dan memberitahunya bahawa Gereja Yesus Kristus tiada di bumi dan Mereka telah memilih Joseph untuk memulihkannya.

Sejak hari itu, Joseph bekerja kuat melayani Tuhan, dan berusaha menubuhkan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dan membina kerajaan Tuhan di bumi pada zaman akhir. Ahli-ahli Gereja yang beriman memberi kesaksian bahawa Yesus Kristus adalah Juruselamat dan Sang Penebus dunia ini. Yesus mengarahkan Gereja-Nya hari ini melalui wahyu kepada seorang nabi di bumi. Joseph Smith adalah salah seorang nabi itu. Walaupun Joseph telah melaksanakan banyak perkara-perkara semasa riwayat hidupnya, yang paling penting adalah sikap berbaktinya menjadi seorang pengikut dan



Ketika membuat keputusan berkenaan gereja yang mana dia patut sertai, Joseph berpaling kepada Alkitab untuk mendapat bimbingan. Dalam Alkitab, dia terbaca, "Tanyalah kepada Tuhan."

saksi untuk Yesus Kristus. Dia pernah menulis, "Selepas banyak kesaksian yang telah diberi berkenaan Dia, inilah kesaksian, yang terakhir, yang kami beri berkenaan Dia: Bahawa Dia hidup!" (Ajaran dan Perjanjian 76:22).

Mereka yang menerima kesaksian Nabi Joseph Smith melalui kuasa Roh Kudus akan dapat tahu kebenaran kerja yang telah dia dipanggil untuk lakukan. Mereka juga boleh mengetahui kedamaian dan kebahagiaan yang datang melalui Juruselamat Yesus Kristus, yang disembah dan dilayani oleh Joseph Smith.

Gereja Manakah yang Benar?

Joseph Smith dilahirkan pada tahun 1805 di bandar Sharon, negeri Vermont, di Amerika Syarikat. Pada masa cerita ini bermula, dia berumur 14 tahun, dia hidup bersama keluarganya di New York, dan sedang bersungguh-sungguh memikirkan gereja mana yang patut dianggotainya. Berikut adalah kisah pengalaman Joseph, ditulis dengan kata-katanya sendiri.

Semasa kehebohan yang besar ini, fikiranku tergerak untuk memenungkan dengan bersungguh-sungguh, serta rasa gelisah. . . . aku sering berkata kepada diriku sendiri, Apakah yang harus dilakukan? Siapakah antara golongan-golongan ini yang betul, atau adakah mereka itu semuanya salah? Jika salah satu antara mereka itu betul, yang manakah itu dan bagaimanakah dapat aku mengetahuinya?

Sementara aku mengalami kesukaran yang hebat yang disebabkan oleh pertentangan golongan-golongan para penganut agama ini, pada suatu hari aku membaca Surat Yakobus, fasal pertama dan ayat kelima, yang berbunyi: "Jika ada sesiapa antara kamu yang kurang bijaksana, hendaklah dia bertanya kepada Tuhan supaya Tuhan memberikan kebijaksanaan kepadanya; kerana Tuhan memberi dengan murah hati, dan tidak menegur; dan ianya akan diberikan kepadanya."

Belum pernah suatu fasal tulisan suci meresap dengan lebih kuat ke dalam hati manusia daripada ayat ini bagiku pada saat itu. Kelihatannya masuk dengan tenaga yang sangat kuat ke dalam setiap perasaan hatiku. Aku memikirkan hal itu berulang-ulang, dengan kesedaran bahawa jika ada orang yang memerlukan kebijaksanaan daripada Tuhan, akulah orang itu, kerana bagaimana aku harus bertindak tidaklah aku

ketahui, dan kecuali aku dapat memperoleh lebih banyak kebijaksanaan daripada yang aku miliki pada masa itu, aku langsung tidak akan mengetahuinya; kerana guru-guru agama pelbagai mazhab itu memahami ayat-ayat suci yang sama dengan begitu berbeza-beza maknanya sehingga memusnahkan segala keyakinan dalam menjelaskan persoalan itu melalui penyelidikan Alkitab.

Akhirnya aku sampai kepada kesimpulan bahawa aku harus tetap dalam kegelapan dan kebingungan, atau aku harus melakukan seperti yang diarahkan oleh Yakobus, iaitu bertanya kepada Tuhan. Akhirnya aku berputus untuk “bertanya kepada Tuhan,” dengan kesimpulan bahawa jika Dia mengurniakan kebijaksanaan kepada mereka yang kurang bijaksana, dan akan memberinya dengan murah hati dan tidak akan menegur, aku boleh mencubanya.

Penglihatan Pertama Joseph Smith

Maka sesuai dengan azamku ini untuk bertanya kepada Tuhan, aku pergi ke hutan untuk membuat percubaan, pada pagi hari yang indah dan cerah, sewaktu awal musim bunga dalam tahun seribu lapan belas dua puluh. Itulah kali pertama dalam kehidupanku yang aku pernah membuat



percubaan sebegitu, kerana dalam segala kecemasanku sebelumnya, belum pernah aku cuba berdoa secara bersuara seperti itu.

Setelah aku sampai di tempat yang aku telah pilih terlebih dahulu, dan setelah melihat di sekelilingku, serta mendapati bahawa aku bersendirian, aku melutut dan mulai menyatakan keinginan hatiku kepada Tuhan. Baru saja aku melakukan ini apabila dengan tiba-tiba aku dicekam oleh suatu kekuatan yang menguasai seluruh diriku, dan yang mempunyai pengaruh yang begitu menakjubkan atas diriku, seolah-olah mengikat lidahku sehingga aku tidak dapat bercakap. Kegelapan yang tebal mengelilingi diriku, dan buat sejenak masa nampaknya bagiku seolah-olah aku ditakdir mati mendadak.

*Salah seorang daripada Mereka berkata . . . sambil menuding kepada yang seorang lagi—
“Inilah Putera-Ku yang Kuka-sihi. Dengarkanlah Dia!”*

Namun, dengan segala kekuatan yang ada padaku, aku berseru kepada Tuhan supaya membebaskan aku daripada musuh ini yang telah mencengkam aku, dan pada saat aku hampir tenggelam ke dalam kekecewaan dan menyerahkan diriku kepada kebinasaan—bukan kepada keruntuhan yang dikhayalkan, tetapi kepada kuasa suatu makhluk yang benar-benar wujud dari dunia yang tidak berkilihatan, yang mempunyai kekuatan yang begitu menakjubkan yang belum pernah aku rasakan dalam makhluk apapun—tepat pada saat yang sangat mencemaskan ini, aku nampak suatu tiang cahaya tepat di atas kepalaku, lebih terang daripada sinar matahari, yang perlahan-lahan turun sampai ia mengenai diriku.

Sebaik sahaja cahaya itu muncul, maka aku merasa diriku dibebaskan daripada musuh yang mengikatku. Ketika cahaya itu duduk di atas diriku, aku nampak dua Insan, yang mempunyai kecerahan dan kemuliaan yang tidak dapat digambarkan,



berdiri ke atas diriku di udara. Salah seorang daripada Mereka berkata kepadaku, dengan memanggil namaku, dan berkata -- sambil menuding kepada yang seorang lagi—"Inilah Putera-Ku yang Kuka-sihi. Dengarkanlah Dia!"

Tujuanku pergi bertanya kepada Tuhan ialah untuk mengetahui yang mana antara semua mazhab itu adalah benar, supaya aku dapat mengetahui yang mana harus aku ikut. Oleh itu, segera setelah aku dapat menguasai diriku kembali, iaitu dapat bercakap, maka aku bertanya kepada Insan-Insan yang berdiri di dalam cahaya di atasku itu yang manakah antara kesemua mazhab itu adalah betul (kerana pada masa ini tidak pernah memasuki

hatiku bahawa kesemuanya adalah salah)—dan yang manakah patut aku anggotai.

Aku mendapat jawapan agar jangan menggabungkan diri dengan mana-mana mazhab pun, kerana mereka semuanya salah; dan Insan yang berucap kepadaku mengatakan bahawa segala pernyataan kepercayaan mereka itu adalah sumbang dalam pandangan-Nya; bahawa para pengkhotbah itu semuanya salah, iaitu, "mereka menghampiri Aku dengan bibir mereka, namun hati mereka jauh daripada-Ku; mereka mengajarkan peraturan manusia sebagai ajaran agama: yang mempunyai rupa ketuhanan, namun mereka menyangkal kuasa-Nya."

Dia sekali lagi melarangkan aku menggabungkan diri dengan mana-mana mazhab pun; dan banyak hal yang Dia katakan kepadaku yang tidak dapat aku tuliskan pada waktu ini. Ketika aku sedar kembali, aku mendapati diriku telentang sambil memandang ke langit. Apabila cahaya itu lenyap, aku tidak ada kekuatan; tetapi dengan cepat memulih sedikit sebanyak, aku pulang ke rumah.

Penganiayaan

Joseph mematuhi Tuhan dan tidak menggabungkan dirinya dengan mana-mana mazhab yang wujud pada masa itu. Apabila dia memberitahu orang ramai berkenaan apa yang dia telah lihat dan dengar, dia mula mengalami tentangan dan penganiayaan

Aku segera mendapati . . . bahawa penceritaanku berkenaan kisah itu telah menimbulkan banyak prasangka terhadapku di kalangan para pengkhotbah agama dan menjadi sebab utama penganiayaan yang semakin meningkat; dan sekalipun aku seorang budak yang tidak dikenal orang, yang baru berumur antara empat belas dan lima belas tahun, serta keadaan kehidupanku menjadikanku hanya seorang budak yang tidak penting di dunia ini, namun begitu, para tokoh terkemuka memberikan perhatian yang cukup besar untuk mengarahkan fikiran orang ramai terhadap diriku, dan menyebabkan suatu penganiayaan yang sengit, dan ini menjadi umum di kalangan semua mazhab—semua bergabung untuk menganiayaiku.

Hal itu telah menyebabkan aku berfikir secara mendalam pada masa itu, dan juga sering kali sejak masa itu, betapa anehnya seseorang budak yang tidak dikenal, yang berumur sedikit melebihi empat belas tahun, yang juga seorang yang ditakdirkan perlu mencari nafkah yang sederhana dengan pekerjaan hariannya, patut dianggap sebagai watak yang cukup penting untuk menarik perhatian tokoh-tokoh terkemuka daripada mazhab-mazhab yang paling disukai ramai pada masa itu, dan dengan cara yang menimbulkan semangat penganiayaan dan penghinaan yang paling sengit di kalangan mereka. Tetapi aneh atau tidak, itulah yang terjadi, dan ini sering menyebabkan aku sangat bersedih hati.

Namun adalah suatu kenyataan bahawa aku telah nampak suatu penglihatan. Sejak itu, aku pernah berfikir bahawa aku sungguh-sungguh berasa seperti Paulus, ketika dia membela dirinya di hadapan Raja Agrippa dan menceritakan kisah penglihatan yang dialaminya sewaktu dia nampak suatu cahaya and mendengar suatu suara, tetapi masih hanya beberapa orang yang mempercayainya; ada yang berkata dia tidak jujur, yang lain berkata dia gila; dan dia dicemuh serta dihina. Tetapi semua ini tidak membinasakan hakikat penglihatannya. Dia telah nampak suatu penglihatan, dia tahu bahawa dia telah nampak akannya, dan segala penganiayaan di bawah langit tidak dapat mengubah hakikat itu; dan sekalipun mereka akan menganiayanya sampai mati, namun dia yakin, dan akan tahu sampai nafasnya yang terakhir bahawa dia telah lihat suatu cahaya dan telah dengar suatu suara berucap kepadanya, dan seluruh dunia tidak dapat memaksakannya berfikir atau mempercayai yang lain daripada itu.

Demikian juga dengan aku. Aku betul-betul telah nampak suatu cahaya, dan di tengah-tengah cahaya itu, aku nampak dua Insan, dan Mereka benar-benar telah berucap kepadaku, dan walaupun aku dibenci dan dianiayai kerana mengatakan bahawa aku telah lihat suatu penglihatan, namun hal itu adalah benar; dan sementara mereka sedang menganiayaku, menghinaku, dan mengatakan segala hal yang buruk yang tidak benar terhadap aku kerana mengatakan hal itu, maka aku pun berkata dalam

hatiku: Mengapakah aku dianiayai kerana mence-ritakan kebenaran? Aku benar-benar telah nampak suatu penglihatan; dan siapakah aku ini yang dapat menentang Tuhan, atau mengapakah dunia mengira yang ia dapat memaksa aku untuk menyangkal hal yang aku benar-benar telah saksikan? Kerana aku telah nampak suatu penglihatan; dan aku tahu hakikat itu, dan aku tahu bahawa Tuhan mengetahuinya, dan aku tidak dapat menafikannya, ataupun berani membuat demikian; setidaknya-nya aku mengetahui bahawa dengan berbuat demikian aku akan bersalah terhadap Tuhan, dan akan dikutuk.

Kerana aku telah nampak suatu penglihatan; dan aku tahu hakikat itu, dan aku tahu bahawa Tuhan mengetahuinya, dan aku tidak dapat menafikannya, ataupun berani membuat demikian.

Sekarang aku telah berpuas hati dalam fikiran tentang perkara yang bersangkutan dengan dunia

mazhab-mazhab—bahawa bukanlah kewajipanku untuk bergabung dengan mana-mana mazhab pun, tetapi untuk berterusan dalam keadaanku sekarang sehingga aku diarahkan selanjutnya. Aku telah mendapati bahawa kesaksian Yakobus adalah benar—iaitu seseorang yang kurang bijaksana boleh meminta daripada Tuhan, dan akan menerimanya, dan tidak akan ditegur.

Aku berterusan dengan pekerjaan harianku yang biasa sehingga dua puluh satu haribulan September, seribu lapan ratus dua puluh tiga, sepanjang masa itu mengalami penganiayaan yang teruk daripada semua lapisan masyarakat, baik yang beragama mahupun yang tidak beragama, kerana aku tetap menegaskan bahawa aku telah nampak suatu penglihatan.

Dalam suatu jangka masa di antara masa aku telah mendapat penglihatan, dan tahun seribu lapan ratus dua puluh tiga—kerana telah dilarang bergabung dengan mana-mana mazhab pun yang ada pada

masa itu, dan kerana usiaku masih sangat muda, dan aku dianiaya oleh mereka yang sepatutnya menjadi sahabatku dan melayan aku dengan baik, dan jika mereka menjangka aku tertipu, seharusnya mereka berusaha dengan cara yang patut dan penuh kasih sayang untuk memulihkan aku daripada kesilapan—aku dibiarkan menghadapi segala godaan; dan kerana bergaul dengan semua lapisan masyarakat, aku sering terjatuh ke dalam banyak kesalahan yang bodoh, dan menunjukkan kelemahan seorang remaja, serta kekurangan-kekurangan kecil tabiat manusia; yang aku harus mengaku dengan kekesalan bahawa ianya telah membawa aku kepada bermacam-macam godaan yang buruk dalam pandangan Tuhan. Dengan pengakuan ini, tiada seorang pun patut menyangka bahawa aku telah melakukan dosa-dosa yang besar atau jahat. Kecenderungan untuk berbuat demikian tidak pernah wujud dalam keperibadianku.

Kunjungan Moroni

Penganiayaan berterusan apabila Joseph enggan menafikan bahawa dia telah nampak Tuhan. Pada 21hb



Tiga tahun selepas Penglihatan Pertama Joseph Smith, Tuhan menghantar malaikat Moroni untuk mengajar Joseph berkenaan pemulihan Injil Yesus Kristus.

September 1823, selepas dia masuk tidur, Joseph berdoa untuk mengetahui kedudukannya di mata Tuhan. Malaikat Moroni memperlihatkan dirinya kepada Joseph.

Pada malam dua puluh haribulan September itu, setelah aku menaiki katil untuk tidur, aku mencurahkan tenagaku ke dalam doa dan memohon kepada Tuhan Yang Mahakuasa untuk pengampunan atas segala dosa serta kebodohanku, dan juga untuk suatu pernyataan kepadaku, supaya aku dapat mengetahui keadaan serta kedudukanku di mata-Nya; kerana aku penuh keyakinan bahawa akan memperolehi suatu pernyataan Ilahi, seperti yang telah aku perolehi sebelumnya.

Sewaktu aku sedang dalam keadaan berseru kepada Tuhan, aku ternampak suatu cahaya muncul di bilikku, yang semakin bertambah sehingga bilik itu lebih terang daripada waktu tengah hari, apabila tiba-tiba suatu insan muncul di sisi katilku, ia berdiri di udara, sebab tapak kakinya tidak menyentuh lantai.

Dia memakai jubah longgar yang tersangat indah keputihannya. Keputihannya itu melebihi segala benda duniawi yang pernah aku lihat; juga aku tidak percaya bahawa sesuatu pun benda duniawi dapat dibuat supaya kelihatan demikian putih dan berkilauan. Tangannya tidak tertutup, dan juga lengannya, sedikit di atas pergelangan tangan; demikian juga kakinya tidak tertutup, sampai sedikit di atas pergelangan kaki. Kepala dan lehernya juga tidak tertutup. Aku dapat lihat bahawa dia tidak memakai pakaian lain kecuali jubahnya itu kerana jubah itu terbuka, dan oleh itu aku dapat melihat dadanya.

Bukan sahaja jubahnya yang sangat putih, tetapi seluruh tubuhnya tidak tergambar kemuliaannya, dan wajahnya benar-benar seperti kilat. Bilik itu sangat terang, tetapi tidak seterang seperti betul-betul di sekeliling tubuhnya. Ketika pertama kali aku memandang kepadanya, aku merasa takut, tetapi ketakutan itu segera meninggalkan aku.

Dia memanggil namaku, dan berkata kepadaku bahawa dia adalah utusan yang dihantar dari hadirat Tuhan kepadaku, dan bahawa namanya adalah Moroni; bahawa Tuhan mempunyai suatu kerja untuk aku lakukan, dan bahawa namaku akan dikenali

secara baik mahupun buruk di kalangan semua bangsa, kaum, dan bahasa, atau bahawa namaku itu akan disebut-sebut dengan baik mahupun buruk di kalangan semua manusia.

Dia mengatakan bahawa ada tersimpan sebuah kitab yang tertulis di atas lempeng-lempeng emas, yang menceritakan riwayat hidup penduduk benua ini pada masa dahulu, dan punca dari mana datangnya mereka. Dia juga mengatakan bahawa kegenapan Injil yang kekal terdapat di dalamnya, sepertimana disampaikan oleh Juruselamat kepada para penduduk kuno itu;

Juga, bahawa ada dua biji batu di dalam rangkaian-perak berleengkung—dan batu-batu ini, dilekatkan kepada sebuah perisai dada, kesemuanya bersama-sama dipanggil Urim dan Tumim—disimpan bersama lempeng-lempeng itu; dan bahawa dengan memiliki serta menggunakan batu-batu inilah seseorang dapat menjadi apa yang dipanggil “pelihat-pelihat” pada zaman dahulu, dan bahawa



Pada M 421 nabi Moroni menanamkan catatan-catatan suci bangsanya ke dalam Bukit Kumorah. Kemudian, apabila dia kembali sebagai insan yang telah dibangkitkan, dia memberitahu Joseph Smith berkenaan catatan kuno yang mengandungi kegenapan Injil seperti yang disampaikan oleh Juruselamat (Sang Penyelamat) kepada para penduduk kuno benua Amerika. Catatan itu adalah Kitab Mormon.

Tuhan telah menyediakan benda-benda ini untuk tujuan menterjemahkan kitab itu.

Setelah memberitahu aku hal-hal ini, dia mula memetik nubuat-nubuat daripada Perjanjian Lama. Pertamanya dia memetik sebahagian daripada fasal ketiga kitab Maleakhi; dan dia juga memetik daripada fasal keempat atau yang terakhir daripada nubuat yang sama, tetapi dengan sedikit perbezaan daripada yang terdapat dalam Alkitab kita. Sebagai ganti ayat pertama yang terdapat dalam Alkitab-Alkitab kita, dia menyuarakannya demikian:

“Kerana lihatlah, harinya akan datang yang akan membakar bagaikan ketuhar, dan semua yang sombong, ya, dan semua yang berbuat jahat akan dibakar bagaikan tunggul jerami; kerana mereka yang datang akan membakar mereka, demikianlah firman Tuhan Semesta Alam, sehingga itu tidak akan tinggalkan pada mereka baik akar mahupun cabang.”

Dan lagi, dia mengulang ayat kelima demikian: “Lihatlah, Aku akan mengungkapkan kepadamu Imam, oleh tangan nabi Elia, sebelum datangnya Hari Tuhan yang agung dan dahsyat itu.”

Dia juga megulang ayat yang berikutnya secara berbeza: “Maka Dia akan menanamkan di dalam hati anak-anak janji-janji yang telah dibuat kepada bapa-bapa, dan hati anak-anak itu akan berpaling kepada bapa-bapa mereka. Jika hal ini bukan demikian, seluruh bumi akan dimusnahkan sama sekali pada waktu kedatangan Dia.”

Sebagai tambahan kepada ayat-ayat ini, dia memetik fasal kesebelas kitab Yesaya dengan mengatakan bahawa hal itu hampir akan digenapi. Dia juga memetik fasal ketiga Kisah Rasul-Rasul, ayat-ayat kedua puluh dua dan kedua puluh tiga, tepat seperti yang tertulis dalam Perjanjian Baru. Dia mengatakan bahawa nabi itu ialah Kristus, namun harinya belum tiba sewaktu “mereka yang tidak mahu mendengarkan suara-Nya akan disingkirkan daripada kalangan umat,” namun hari itu akan segera tiba.

Dia juga memetik dari fasal kedua kitab Yoel, dari ayat kedua puluh lapan sampai yang terakhir. Dia juga mengatakan bahawa hal ini belum lagi

digenapi, namun segera akan digenapi. Selanjutnya dia mengatakan bahawa kegenapan orang bukan Yahudi akan segera tiba. Dia menyebut banyak lagi fasal lain daripada tulisan suci, dan memberikan banyak penjelasan yang tidak dapat disebutkan di sini.

Terbentanglelah penglihatan kepada fikiranku sehingga aku dapat melihat tempat lempeng-lempeng itu disimpan.

Sekali lagi dia mengatakan kepadaku, bahawa bila aku memperoleh lempeng-lempeng yang telah disebutnya itu—kerana waktu untuk memperoleh lempeng-lempeng itu belum sampai—aku tidak boleh menunjukkan lempeng-lempeng itu kepada sesiapa pun, demikian juga perisai dada dengan Urim dan Tumim; hanya kepada mereka yang akan aku diperintahkan

menunjukkannya; jika aku melakukannya, aku akan dibinasakan. Ketika dia sedang berbicara denganku berkenaan lempeng-lempeng itu, terbentanglelah penglihatan kepada fikiranku sehingga aku dapat melihat tempat lempeng-lempeng itu disimpan, dan ianya begitu terang dan jelas sehingga aku mengenal kembali tempat itu ketika aku mengunjunginya.

Selepas penyampaian ini, aku nampak cahaya di dalam bilik mula mengumpul betul-betul di sekeliling tubuh insan itu yang telah berucap kepadaku, dan berlangsung sampai bilik itu menjadi gelap kembali, kecuali di sekelilingnya, apabila tiba-tiba aku nampak, seolah-olah suatu laluan terbuka terus ke syurga, dan dia naik sampai menghilang sama sekali, dan bilik itupun kembali kepada keadaan asalnya seperti sebelum munculnya cahaya syurgawi itu.

Aku berbaring memikirkan kejadian yang aneh itu, dan sangat takjub dengan apa yang telah diceritakan kepadaku oleh utusan yang luar biasa ini; apabila di tengah-tengah renunganku, tiba-tiba aku mendapati bilikku mula diterangi kembali, dan dalam sekelip mata, seperti yang telah terjadi, utusan syurgawi yang sama itu berada lagi di sisi katilku.

Dia bermula, dan menceritakan lagi hal-hal yang sama seperti yang telah diceritakannya pada kunjungannya yang pertama, tanpa perubahan sedikitpun. Setelah itu, dia memberitahu aku tentang hukuman-hukuman besar yang akan datang ke atas bumi, dengan pemusnahan yang hebat oleh kebuluran, pedang, dan wabak, dan bahawa hukuman yang menyedihkan ini akan datang ke bumi pada keturunan ini. Setelah menceritakan hal-hal ini, dia naik kembali seperti yang telah dilakukannya sebelum itu.

Pada waktu ini, begitu mendalam kesan-kesan yang tertinggal di dalam fikiranku, sehingga tidur telah lari dari mataku, dan aku berbaring dilanda kehairanan oleh apa yang telah aku lihat dan dengar. Tetapi yang menghairankan aku ialah ketika



Bukit Kumorah terletak lebih kurang tiga batu ke arah tenggara dari ladang keluarga Smith di Palmyra, New York. Pada masa Joseph, hujung utara ditutupi dengan rumput, bahagian selatan ditutupi dengan kelompok-kelompok hutan. Lempeng-lempeng itu telah ditanam di bahagian barat, tidak jauh dari bahagian atas bukit itu. Foto: Ogos 1907

aku sekali lagi nampak utusan yang sama itu di sisi katilku, dan mendengarnya menceritakan kembali atau mengulang lagi kepadaku hal-hal yang sama seperti sebelumnya, dan menambahkan suatu peringatan kepadaku, dengan mengatakan kepadaku bahawa Setan akan berusaha menggodaku (kerana keadaan keluarga ayahku yang serba miskin) untuk memperoleh lempeng-lempeng itu dengan tujuan menjadi kaya. Ini dilarangnya aku, dengan mengatakan bahawa aku tidak boleh mempunyai tujuan lain dalam hal memperoleh lempeng-lempeng itu kecuali untuk memuliakan Tuhan, dan tidak boleh dipengaruhi oleh apa-apa alasan pun selain untuk

membangun kerajaan-Nya; jika tidak, aku tidak akan dapat memperolehnya.

Setelah kunjungan ketiga ini, dia naik lagi ke syurga seperti sebelumnya, dan aku ditinggalkan kembali untuk memikirkan keanehan hal yang baru saja aku alami; ketika hampir serta-merta sete-



Moroni kembali setahun sekali selama empat tahun dan memberi arahan-arahan tambahan kepada nabi muda itu. Selepas empat tahun itu, Joseph menerima lempeng-lempeng itu dan mula menterjemahkan Kitab Mormon.

lah utusan itu naik lagi dari hadapanku untuk kali yang ketiga, ayam pun berkokok dan aku melihat bahawa fajar sedang menjelang, jadi percakapan kami itu rupa-rupanya telah berlangsung sepanjang malam itu.

Tidak lama kemudian, aku pun bangun dari katilku, dan seperti biasa, pergi ke pekerjaan harian yang perlu; tetapi ketika berusaha untuk bekerja seperti biasa, aku merasa begitu kehabisan tenaga, sehingga menjadikan aku sama sekali tidak berdaya. Ayahku, yang sedang bekerja bersamaku, melihat bahawa ada sesuatu yang tidak kena denganku dan menyuruh aku pulang. Aku bermula dengan tujuan pergi ke rumah; tetapi ketika berusaha memanjat

pagar untuk keluar dari ladang di mana kami sedang berada, kekuatanku gagal sama sekali dan aku terjatuh tidak berdaya ke tanah, dan buat seketika aku tidak sedar sama sekali akan apa-apa pun.

Hal pertama yang dapat kuingat kembali adalah suara yang berucap kepadaku, memanggil namaku. Aku memandang ke atas dan ternampak utusan yang sama berdiri lebih tinggi daripada kepalaku, dikelilingi oleh cahaya seperti sebelum itu. Kemudian dia menceritakan lagi kepadaku semua yang telah diceritakannya kepadaku pada malam sebelumnya, dan memerintahkan aku pergi kepada ayahku dan memberitahunya tentang penglihatan serta perintah-perintah yang telah aku terima.

Aku menurut arahnya; aku kembali kepada ayahku di ladang, dan menceritakan seluruh kejadian itu kepadanya. Dia menjawab aku bahawa hal itu berasal daripada Tuhan, dan menyuruh aku pergi dan melakukan seperti yang telah diperintahkan oleh utusan itu. Aku meninggalkan ladang dan pergi ke tempat di mana lempeng-lempeng itu tersimpan seperti yang diberitahu oleh utusan itu; dan oleh kerana jelasnya penglihatan yang telah aku perolehi berkenaan itu, aku mengenali tempat itu sebaik sahaja aku sampai di sana.

Catatan Kudus

Dekat desa Manchester, daerah Ontario, New York, berdiri sebuah bukit yang agak besar, dan paling tinggi di antara semua bukit di kawasan itu. Di sebelah barat bukit ini, tidak jauh dari puncak, di bawah seketul batu yang agak besar, terletak lempeng-lempeng itu, tersimpan di dalam sebuah peti batu. Batu ini tebal dan membulat di bahagian tengah sebelah atas, dan menipis pada tepi-tepinya, sehingga bahagian tengahnya dapat dilihat di atas tanah, tetapi bahagian tepi sekelilingnya tertutup oleh tanah.

Setelah menyingkirkan tanah, aku mengambil sebatang tuil, yang aku pasangkan di bawah pinggir batu itu, dan dengan sedikit usaha, aku mengangkatnya. Aku melihat ke dalam, dan sesungguhnya di sana aku melihat lempeng-lempeng

itu, Urim dan Tumim, dan perisai dada, seperti yang telah dikatakan oleh utusan itu. Peti tempat benda-benda itu dibentuk dengan meletakkan batu-batu bersama-sama dengan bahan yang seperti simen. Pada dasar peti itu ada dua batu yang terletak melintang di dalam peti itu, dan di atas batu-batu inilah terletak lempeng-lempeng tersebut serta benda-benda lain bersamanya.

Di sebelah barat bukit ini, tidak jauh dari puncak, di bawah seketul batu yang agak besar, terletak lempeng-lempeng itu, tersimpan di dalam sebuah peti batu.

Maka, sepertimana aku telah diperintah, aku pergi pada akhir setiap tahun, dan setiap kali aku menemui utusan yang sama di sana, dan menerima petunjuk serta pengetahuan daripadanya semasa setiap perbualan kami, berkenaan apa yang akan dilakukan Tuhan, dan bagaimana serta dengan cara apa kerajaan-Nya akan dikendalikan pada zaman akhir.

Oleh kerana keadaan kebendaan ayahku sangat terhad, kami terpaksa bekerja dengan tangan kami, bekerja untuk upah harian, atau dengan cara yang lain, apabila kami mendapat kesempatan. Kadangkala kami di rumah, dan kadangkala di tempat lain, dan dengan bekerja terus menerus, kami dapat memperoleh nafkah yang cukup.

Aku cuba mengeluarkannya, tetapi dilarang oleh utusan itu, dan sekali lagi diberitahu bahawa masa untuk mengeluarkannya belum tiba, dan tidak akan tiba sehingga empat tahun selepas masa itu; tetapi dia menyuruh aku supaya datang ke tempat itu tepat setahun dari waktu itu, dan bahawa dia akan berada di sana untuk bertemu denganku, dan bahawa aku harus terus berbuat demikian sampai tiba waktunya untuk memperolehi lempeng-lempeng itu.

Joseph melakukan banyak pekerjaan dan menyediakan kehidupan yang senang kepada keluarganya. Pada 1825, dia bekerja di daerah Chenango New York. Di sana dia bertemu dengan Emma Hale yang diperisterikannya pada 18 January 1827.

Akhirnya tibalah waktu untuk memperoleh lempeng-lempeng, Urim dan Tumim, dan perisai dada. Pada hari kedua puluh dua bulan September, seribu lapan ratus dua puluh tujuh, apabila seperti biasa, pada akhir tahun, aku ke tempat di mana benda-benda itu disimpan, dan utusan yang sama itu menyerahkan benda-benda itu kepadaku dengan perintah ini: bahawa aku harus bertanggungjawab ke atas benda-benda ini, iaitu jika aku membiarkan benda-benda itu hilang kerana tidak cermat atau kerana sebarang kelalaianku, aku akan disingkirkan; tetapi jika aku menggunakan segala usahaku untuk memeliharanya, sehingga dia, utusan itu, akan memintanya kembali, benda-benda itu akan dilindungi.

Aku segera mengetahui sebabnya aku menerima perintah yang begitu tegas itu untuk menjaganya supaya selamat, dan mengapa utusan itu telah mengatakan bahawa apabila aku telah melakukan apa yang dihendaki daripadaku, dia akan meminta kembali benda-benda itu. Kerana sebaik sahaja diketahui bahawa aku memiliki benda-benda itu, maka usaha-usaha yang paling hebat telah digunakan untuk merebutnya dariku. Segala helah yang dapat direkakan telah digunakan untuk mencapai maksud itu. Penganiayaan menjadi semakin sengit dan teruk daripada sebelumnya, dan sejumlah besar orang sentiasa sedia untuk merebut benda-benda itu daripada aku jika mungkin. Tetapi dengan kebijaksanaan Tuhan, benda-benda itu tetap selamat dalam tanganku, sampai aku telah melaksanakan apa yang wajib di tanganku. Ketika, sesuai dengan rancangan, utusan itu datang untuk mengambilnya, aku menyerahkannya kepada dia; dan dialah yang memilikinya di bawah pengawasannya sampai hari ini, iaitu hari kedua bulan Mei, seribu lapan ratus tiga puluh lapan. . . .

Pada 5hb April, 1829, Oliver Cowdery, yang sebelum itu tidak pernah aku temui, datang ke rumahku. Dia memberitahu aku bahawa dia pernah mengajar di sekolah di sekitar kawasan kejiranan ayahku, dan kerana ayahku adalah salah seorang yang menghantarkan anak-anaknya ke sekolah itu, dia menumpang selama satu musim di rumah ayahku, dan ketika di sana, keluarga ayahku telah menceritakan kepadanya cara bagaimana aku telah menerima lempeng-lempeng itu, dan oleh sebab itu, dia datang untuk menanyakan aku.

Dua hari selepas kedatangan Encik Cowdery (iaitu 7hb April) aku mula menterjemahkan Kitab Mormon, dan dia mula menulis untukku.

Dalam bulan April 1829, Joseph Smith, bersama Oliver Cowdery sebagai pencatat, mula menterjemahkan Kitab Mormon dengan kurnia dan kuasa daripada Tuhan. Setelah Joseph menyiapkannya, orang lain berpeluang untuk melihat lempeng-lempeng emas itu. Saksi-saksi ini juga telah mencatatkan kesaksian mereka, kerana “di dalam



Joseph Smith dan Oliver Cowdery menerima Imamat Harun melalui upacara meletakkan tangan daripada Yohanes Pembaptis pada 15hb Mei 1829.



Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir disusunkan di rumah Peter Whitmer, Bapa, pada 6 April 1830. Hampir 60 orang menjadi saksi ketika 6 orang lelaki memenuhi syarat-syarat negeri New York yang diperlukan untuk menegakkan sebuah persatuan keagamaan yang baru.

mulut dua atau tiga saksi, setiap perkataan akan ditegakan” (2 Korintus 13:1).

Imamat Dipulihkan

Kami masih melanjutkan kerja penterjemahan itu apabila dalam bulan yang berikutnya (Mei, 1829), kami pada suatu hari pergi ke hutan untuk berdoa dan bertanya kepada Tuhan berkenaan pembaptisan untuk pengampunan dosa, yang telah kami temui semasa menterjemahkan lempeng-lempeng itu. Ketika kami tengah melakukan itu, berdoa dan berseru kepada Tuhan, seorang utusan dari syurga turun dalam suatu awan bercahaya, dan setelah meletakkan tangannya di atas kami, dia mentahbiskan kami sambil berkata:


“Ke atasmu, hamba-hamba sesamaku, dalam nama Al-Masih, aku mengurniakan Imamat Harun, yang memegang kunci-kunci pelayanan malaikat dan Injil pertaubatan, dan pembaptisan melalui pencelupan untuk pengampunan dosa, dan ini tidak akan diambil lagi dari bumi sampai putera-putera Lewi mempersembahkan kembali persembahan kepada Tuhan dalam kebenaran.”

Dia mengatakan bahawa Imamat Harun ini tidak mempunyai kuasa meletakkan tangan untuk pengurniaan Roh Kudus, tetapi kuasa itu akan dikurniakan kepada kami kemudian, dan dia memerintahkan kami supaya pergi dan dibaptiskan; dan dia memberi kami arahan bahawa aku harus

membaptiskan Oliver Cowdery, dan selepas itu dia harus membaptiskan aku.

Maka kami pun pergi dan dibaptiskan. Aku membaptiskannya terlebih dahulu, dan kemudiannya dia membaptiskan aku—selepas itu aku meletakkan tanganku pada kepalanya dan mentahbiskannya kepada Imam Harun, dan kemudiannya dia meletakkan tangannya pada kepalaku dan mentahbiskan aku kepada Imam yang sama—kerana demikianlah telah kami diperintahkan.

Utusan yang mengunjungi kami pada waktu ini dan mengurniakan Imam ini kepada kami mengatakan bahawa namanya Yohanes, yang sama yang dipanggil Yohanes Pembaptis di dalam Kitab Perjanjian Baru, dan bahawa dia bertindak di bawah petunjuk Petrus, Yakobus dan Yohanes, yang memegang kunci-kunci Imam Melkisedek, iaitu Imam, katanya, yang akan dikurniakan kepada kami pada waktu yang sesuai, dan bahawa aku akan dipanggil Ketua Gereja yang pertama, dan dia (Oliver Cowdery), yang kedua. Pada hari kelima belas, bulan Mei, 1829,



itulah waktu kami ditahbiskan di bawah tangan utusan ini, serta dibaptiskan.

Sejurus kami keluar dari air selepas kami dibaptiskan, kami mengalami berkat-berkat yang agung dan mulia daripada Bapa kita di Syurga. Sejurus setelah aku membaptiskan Oliver Cowdery, Roh Kudus turun ke atasnya, dan dia berdiri dan bernubuat tentang banyak perkara yang akan terjadi tidak lama lagi. Demikian pula, sejurus setelah aku dibaptiskan olehnya, aku juga memperoleh roh nubuat dan, ketika berdiri, aku bernubuat tentang perkembangan Gereja ini, serta banyak lagi perkara lain berkaitan dengan Gereja, serta anak-anak manusia keturunan ini. Kami dipenuhi oleh Roh Kudus dan bersukacita dalam Tuhan yang memberikan kita penyelamatan.

Ini merupakan kesaksian yang jujur dan langsung daripada Joseph Smith, menceritakan berkenaan beberapa kejadian yang telah mengakibatkan Pemulihan Injil dan penubuhan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Untuk catatan kisah Joseph Smith yang lebih lengkap, lihat Joseph Smith—Sejarah di dalam Mutiara yang Sangat Berharga atau History of the Church (Sejarah Gereja), 1:2–79.



Kitab Mormon, dicetak buat pertama kali pada tahun 1830, kini sedang diterbitkan dalam lebih daripada 100 bahasa di seluruh dunia.